

27/09/2003

Syor Dr Mahathir rombak sistem veto tepat, praktikal

KUALA LUMPUR: Saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghapuskan kuasa veto satu negara, tepat pada masanya kerana struktur pertubuhan itu sekarang ketinggalan zaman, tidak demokratik atau adil kepada masyarakat antarabangsa.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata jika PBB benar-benar menyanjung demokrasi, tiada sebab pertubuhan dunia itu mengetepikan prinsip itu dalam penentuan dasar membabitkan tata cara dunia dan penyelesaian konflik.

Sambil menyifatkan saranan Perdana Menteri satu pandangan tegas dan berani, beliau berkata, negara anggota PBB patut menyokong perubahan yang dicadangkan itu bagi menegakkan prinsip demokrasi, keadilan dan kesamarataan.

"Kita yakin negara membangun akan tetap menyokong saranan berkenaan. Kita harap lima negara kuasa besar juga sedar sudah sampai masanya perubahan dilakukan untuk menjadikan PBB lebih berwibawa bagi menyelesaikan konflik dunia.

"Ini penting bukan bagi menegakkan demokrasi semata-mata tetapi juga memandangkan selama ini badan dunia itu terhalang dalam usahanya menyelesaikan konflik berkenaan," katanya.

Ketika berucap pada Perhimpunan Agung PBB ke-58 di New York, kelmarin, Dr Mahathir menyarankan supaya dihapuskan kuasa veto satu negara dan digantikan dengan dua kuasa veto serta perlu disokong tiga lagi anggota Majlis Keselamatan bagi menghalang sebarang resolusi PBB.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia, Abdul Razak Baginda, berkata cadangan Dr Mahathir itu sangat membina dan praktikal.

"Untuk memansuhkan terus penggunaan kuasa veto mungkin sukar kerana memerlukan kelulusan negara anggota, tetapi sebagai permulaan cadangan ini mungkin boleh mengurangkan kuasa veto," katanya.

Aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye, pula berharap saranan Dr Mahathir akan mendapat sokongan negara anggota PBB lain memandangkan sistem kuasa veto satu negara sekarang 'tidak baik untuk kepentingan pertubuhan dunia itu.'

"Malah kita lihat sendiri kesannya dalam isu Iraq apabila Amerika dengan mentah-mentah mengetepikan keputusan PBB. Nampak seolah-olah pertubuhan dunia itu sudah tidak mempunyai hala tuju lagi kerana strukturnya yang tidak adil," katanya.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Sobri Ahmad, berkata sistem sekarang tidak memberi keadilan kepada negara anggota PBB lain, terutama negara membangun dan dunia ketiga, kerana ia menyebabkan suara mereka tidak didengar dan dipedulikan.